



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 1980

Tuan,

SKIM PERKHIDMATAN JURUTRINGKAS

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa Skim Perkhidmatan Jurutringkas yang baru telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia pada 2hb Julai, 1980. Bersama-sama ini dikembalikan satu salinan Skim Perkhidmatan Jurutringkas Perkhidmatan Awam seperti di [Lampiran "A"](#) kepada Surat Pekeliling ini untuk makluman dan kegunaan tuan. Skim Perkhidmatan ini menggantikan skim perkhidmatan yang berkuatkuasa sekarang yang telah diluluskan melalui surat bil. JPA. Sulit 313/90/Jld. 2/28 bertarikh 29hb Oktober, 1974.

2. Skim Perkhidmatan Jurutringkas yang baru ini adalah merupakan satu Skim Perkhidmatan Jurutringkas yang seragam untuk kegunaan Jabatan-jabatan dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan. Tarikh kuatkuasa SKim Perkhidmatan Jurutringkas yang baru ini ialah pada 2hb Julai, 1980.

3. Di bawah skim perkhidmatan yang baru ini, Jurutringkas-jurutringkas yang telah ditempatkan atau diarah membuat tugas-tugas sebagai Pembantu Khas dengan sepenuh masa kepada Pegawai-pegawai Tingkatan-tertinggi "F" ke atas adalah dibayar Elaun Pembantu Khas atas kadar seperti berikut:

Pembantu Khas kepada Pegawai Tingkatan-tertinggi "E" dan "F"	...	\$30.00 sebulan
Pembantu Khas kepada Pegawai Tingkatan-tertinggi "D" ke atas	...	\$50.00 sebulan


4. Adalah dimaklumkan bahawa jawatan-jawatan Pembantu Khas kepada Pegawai Tingkatan-tertinggi "E" dan "F" hendaklah diisi oleh Jurutringkas yang diambil daripada kumpulan Jurutringkas yang mana jawatan-jawatan mereka telahpun sedia diluluskan bagi satu-satu Jabatan. Oleh itu, jawatan Pembantu Khas kepada Pegawai Tingkatan-tertinggi "E" dan "F" itu tidaklah perlu diwujudkan lagi. Sehubungan dengan ini., Ketua Jabatan yang berkenaan adalah diberi kuasa untuk menentukan mana-mana Pegawai Tingkatan-tertinggi "E" dan "F" yang boleh dibekalkan dengan Pembantu Khas, iaitu berasaskan kepada tugas jawatan Pegawai Tingkatan-tertinggi berkenaan sama ada memerlukan seorang Pembantu Khas sepenuh masa. Dalam hubungan ini, Ketua-ketua Jabatan adalah diingatkan supaya menggunakan budibicaranya apabila memberi kelulusan agar Perkhidmatan Jurutringkas-jurutringkas di Jabatan mereka dapat digunakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, jawatan Pembantu Khas kepada Pegawai Tingkatan-tertinggi "D" dan ke atas hendaklah diwujudkan sepertimana mengikut amalan yang biasa iaitu melalui proses pengwujudan jawatan.

5. Skim Perkhidmatan Jurutringkas yang dikuatkuasakan melalui surat bil. JPA. Sulit 313/90/Jld. 2/28 bertarikh 29hb Oktober, 1974 adalah dengan ini dibatalkan.

6. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri adalah diminta menyampaikan kandungan surat dan skim perkhidmatan Jurutringkas yang baru ini kepada pegawai-

pegawai yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perkhidmatan dan perjawatan untuk tindakan sewajarnya dan juga kepada pengetahuan semua Jurutringkas yang terlibat.

Saya yang menurut perintah,



(SHAMSUDDIN BIN DAHLAN)
*Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

4hb September, 1980

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Cawangan Sabah.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Cawangan Sarawak.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Ketua Setiausaha, Perbendaharaan Malaysia.

Ketua Odit Negara.

SKIM PERKHIDMATAN JURUTRINGKAS

TARIKH KUATKUASA : 2hb Julai, 1980

KUMPULAN
"C"

Tingkatan		Tanggagaji
Tingkatan Biasa	C12 :	\$395 x 25-445 / Sekatan Percubaan dan Ujian Kepantasan / \$470 x 25-720 x 30-780 / Sekatan Kecekapan / \$840 x 40-1,000.
Tingkatan Kanan	C3 :	\$1,040 x 40-1,240.
Tingkatan Tinggi	C1 :	\$1,330 x 60-1,420.

1. Calon-calun lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi 28 tahun. Calon-calun daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap, termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun. UMUR

2. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut : KELAYAKAN
MASUK
 - (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan lulus Ujian masuk mengambil tringkas dengan kederasan 60 perkataan satu minit (p.s.m.) dari rencana dan menaip salinan tringkas itu sederas 20 p.s.m. dengan membuat kesalahan tidak melebihi 4%.
 - (ii) Sijil Sains Kesetiausahaan dari Institut Teknologi MARA atau Politeknik Kuantan, dan
 - (b) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

[Keutamaan khas akan diberi kepada calon-calun yang lulus Peringkat Pertengahan dalam matapelajaran menaip dan tringkas pada peringkat Peperiksaan Sijil Perdagangan Malaysia.]
 - (c) Jurutaip Tingkatan I atau Jurutaip Taliprinter Tingkatan I satu Penyelia Taliprinter yang telah :
 - (i) disahkan dalam jawatan,
 - (ii) berkhidmat selama tidak kurang daripada 2 tahun dalam tingkatan tersebut, dan
 - (iii) lulus Ujian Tringkas Kerajaan sederas 60 p.s.m. menulis tringkas dari rencana dan menaip salinan tringkas itu dengan kederasan paling rendah 20 p.s.m.

3. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada PERMOHONAN
Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

- | | | |
|-----|--|---|
| 4. | Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun. | TEMPOH
PERCUBAAN |
| 5. | Jurutringkas boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan. | LATIHAN |
| 6. | Jurutringkas adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan Pertama iaitu peperiksaan Tringkas Kerajaan dengan kederasan 80 p.s.m. daripada rencana dan menaip salinan tringkas itu sederas 20 p.s.m. dengan membuat kesalahan tidak melebihi 4% dan lulus Peperiksaan Arahan Perkhidmatan sebelum tamat tempoh percubaan. | PEPERIKSAAN
PERKHIDMATAN
PERTAMA |
| 7. | Jurutringkas yang telah :

(a) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan,

(b) lulus Peperiksaan Perkhidmatan Pertama, dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan,

adalah layak disahkan dalam jawatan. | PENGESAHAN
DALAM
JAWATAN |
| 8. | Jurutringkas yang telah disahkan dalam jawatan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan Kedua yang mengandungi Peperiksaan Perintah Am dan Peperiksaan Amalan Kesetiausahaan. | PEPERIKSAAN
PERKHIDMATAN
KEDUA |
| 9. | Jurutringkas yang telah :

(a) disahkan dalam jawatan,

(b) lulus Peperiksaan Perkhidmatan Kedua,

(c) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji paling tinggi di bawah Sekatan Kecekapan, dan

(d) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatan bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuannya ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya,

adalah layak maju dalam perkhidmatan seterusnya, | SEKATAN
KECEKAPAN |
| 10. | Jurutringkas Tingkatan Biasa yang telah :

(a) disahkan dalam jawatan,

(b) lulus Peperiksaan Perkhidmatan Kedua,

(c) berkhidmat selama tidak kurang daripada 8 tahun dalam jawatan tersebut, dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan,

adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Kanan yang kosong. | KENAIKAN
PANGKAT KE
TINGKATAN
KANAN |
| 11. | Jurutringkas Tingkatan Kanan yang telah membuktikan kebolehan serta kecekapan yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tinggi yang kosong. | KENAIKAN
PANGKAT KE
TINGKATAN
TINGGI |

12. Jurutringkas adalah layak menerima Elaun Tidak Berpencen seperti berikut :

ELAUN TIDAK
BERPENECEN

(a) *Elaun Dua Bahasa Tidak Berpencen*

- (i) Sebanyak \$50 sebulan apabila lulus Peperiksaan Tringkas Bahasa Inggeris sederhana 80 p.s.m. dan menaip salinan tringkas sederhana 20 p.s.m.
- (ii) Sebanyak \$75 sebulan apabila lulus Peperiksaan Tringkas Bahasa Inggeris sederhana 100 p.s.m. dan menaip salinan tringkas itu sederhana 25 p.s.m.
- (iii) Sebanyak \$100 sebulan apabila lulus Peperiksaan Tringkas Bahasa Inggeris sederhana 120 p.s.m. dan menaip salinan tringkas itu sederhana 30 p.s.m.

(b) *Elaun Khas*

Sebanyak \$25 sebulan bagi Jurutringkas yang telah disahkan dalam jawatan dan lulus Peperiksaan Tringkas Kerajaan Bahasa Malaysia sederhana 100 p.s.m.

(c) *Elaun Pembantu Khas*

- (i) Sebanyak \$50 sebulan bagi Jurutringkas yang telah disahkan dalam jawatan dan dikehendaki bekerja sebagai Pembantu Khas dengan sepenuh masa kepada seorang Pegawai yang menyandang jawatan Tingkatan-tertinggi "D" atau jawatan yang mempunyai kod gaji A7 dan ke atas.
- (ii) Sebanyak \$30 sebulan bagi Jurutringkas yang telah disahkan dalam jawatan dan dikehendaki oleh Ketua Jabatannya bekerja sebagai Pembantu Khas dengan sepenuh masa kepada seorang Pegawai Tingkatan-tertinggi "E" atau jawatan yang mempunyai kod gaji A8 dan "F" atau kod gaji A9.

(d) *Elaun Penyelia*

Sebanyak \$50 sebulan bagi Jurutringkas yang telah disahkan dalam jawatan yang dikehendaki menjaga satu kumpulan Jurutringkas / Jurutaip yang bilangannya tidak kurang daripada 10 orang.

13. Sekiranya Ketua Jabatan mendapati bahawa mutu kecekapan dalam pengambilan tringkas dan taip-menaip bagi seseorang Jurutringkas yang menerima Elaun Tidak Berpencen mengikut peruntukan di perenggan 12 (a) di atas itu telah merosot maka Jurutringkas ini akan dikehendaki mengambil lagi peperiksaan tringkas dan taip-menaip. Elaun Tidak Berpencen ini tidak akan diperbaharui sehingga Jurutringkas itu telah lulus peperiksaan yang berkenaan.

JURUTRINGKAS
BOLEH
DIKEHENDAKI
MENGAMBIL
PEPERIKSAAN